

Keperluan Pendidikan Kewangan Peribadi di Kalangan Pelajar bukan Jabatan Perdagangan di PTSS

Azrul Nizam Abdul*

Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi untuk menentukan keperluan pendidikan kewangan peribadi di kalangan pelajar bukan dari Jabatan Perdagangan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Terdapat tiga objektif kajian iaitu mengkaji kesedaran pelajar bukan Jabatan Perdagangan PTSS terhadap keperluan pendidikan kewangan peribadi, mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar bukan Jabatan Perdagangan PTSS terhadap ilmu pendidikan kewangan peribadi dan mengenalpasti minat pelajar bukan Jabatan Perdagangan terhadap pendidikan kewangan peribadi. Seramai 100 orang pelajar bukan dari Jabatan Perdagangan di PTSS terdiri daripada pelajar semester 1 hingga semester 5 telah dipilih secara rawak sebagai responden. Analisis data melalui perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) telah dibuat menggunakan min skor, peratusan dan kekerapan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar bukan Jabatan Perdagangan PTSS terhadap keperluan pendidikan kewangan peribadi, tahap pengetahuan pelajar bukan Jabatan Perdagangan PTSS terhadap ilmu pendidikan kewangan peribadi dan tahap minat pelajar bukan Jabatan Perdagangan terhadap pendidikan kewangan peribadi berada pada kedudukan yang sederhana. Secara keseluruhannya, dapatan tersebut memberi petunjuk bahawa faktor-faktor yang dikaji memberikan impak yang agak signifikan terhadap keperluan pendidikan kewangan peribadi di kalangan pelajar bukan dari Jabatan Perdagangan di PTSS. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar-pelajar bukan dari Jabatan Perdagangan di PTSS cenderung menunjukkan minat atas keperluan mempelajari ilmu pengetahuan pendidikan kewangan peribadi serta mempunyai kesedaran ke atas kepentingan ilmu pendidikan kewangan peribadi demi membantu diri mereka sendiri di dalam pembuatan keputusan kewangan yang penting dan lebih tepat serta demi kesejahteraan keluarga dan negara pada masa hadapan nanti.

PENDAHULUAN

Rekod Jabatan Insolvensi Malaysia mendapati sebanyak 97,215 kes kebangkrapan dicatatkan di negara ini sepanjang tempoh 2012 sehingga September 2016 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 22,581 kes atau 23 peratus, membabitkan kategori dewasa muda yang berumur antara 25 hingga 34 tahun dan sebanyak 1,157 kes membabitkan mereka berumur di bawah umur 25 tahun. Mereka yang diisytiharkan muflis mengakui punca utama kegagalan dalam mengawal kewangan mereka adalah disebabkan terutamanya oleh kurangnya pendidikan dan perancangan kewangan yang baik [1].

Malah menurut Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) iaitu Wan Saiful Wan Jan, sehingga tahun 2018 masih terdapat hutang pendidikan yang tertunggak sebanyak RM38 bilion yang masih belum lagi dijelaskan oleh peminjam yang telah menamatkan pelajaran. Masalah ini akan sedikit sebanyak memberikan kesan kepada para pelajar lain yang baru ingin memulakan pengajian disebabkan kekangan kewangan yang sedang dihadapi oleh pihak PTPTN pada masa kini [2].

*Koresponden: azrulnizam79@yahoo.com

Menurut Mohammad Fazli, tahun pertama berada di universiti adalah waktu peralihan yang sangat kritikal atau penting bagi kebanyakan pelajar kerana tanggungjawab menguruskan kewangan telah bertukar sepenuhnya daripada pengurusan oleh ibubapa terus kepada pengurusan kewangan oleh pelajar itu sendiri [3]. Tanggungjawab seperti merancang perbelanjaan, menyediakan belanjawan, urusan penyimpanan wang dan hal-hal lain yang melibatkan kewangan terpaksa diuruskan sendiri oleh pelajar apabila mereka telah berada di peringkat universiti. Di sinilah dilihat kepentingan celik kewangan yang perlu ada di kalangan pelajar agar para pelajar berkenaan akan mampu menguruskan kewangan peribadi mereka sendiri nanti.

Di dalam konteks pelajar-pelajar di PTSS, kursus (DPA2033 – Personal Financial Management) hanya ditawarkan kepada semua pelajar di Jabatan Perdagangan. Para pelajar daripada jabatan-jabatan yang lain seperti dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Reka Bentuk Dan Komunikasi Visual (JRKV), Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Pelancongan Dan Hospitaliti (JPH) tidak ditawarkan atau diminta untuk mengambil kursus berkenaan. Oleh itu, para pelajar yang tidak ditawarkan kursus berkenaan tidak akan berpeluang untuk mendapatkan ilmu kewangan yang mencukupi dan dikhuatiri akan terdedah kepada risiko mengambil keputusan kewangan yang salah pada masa hadapan. Menurut Rubayah Yakob, Hawati Janor dan Nur Ain Khamis, tahap pengetahuan atau celik kewangan yang rendah dalam kalangan pelajar terutamanya di institusi pengajian tinggi akan memberi implikasi yang sangat besar terhadap pembangunan dan kesejahteraan ekonomi sesebuah negara, antaranya termasuklah mendorong kepada pengurusan kewangan yang tidak cekap, kawalan penggunaan kad kredit yang lemah dan gagal membayar pelbagai jenis pinjaman, termasuk pinjaman pendidikan [4].

Sehubungan dengan itu, terdapat tiga persoalan kajian yang memerlukan jawapan di dalam kajian ini iaitu adakah pelajar bukan Jabatan Perdagangan PTSS mempunyai kesedaran terhadap keperluan pendidikan kewangan peribadi, adakah pelajar bukan Jabatan Perdagangan PTSS mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkenaan ilmu pendidikan kewangan peribadi dan adakah pelajar bukan Jabatan Perdagangan mempunyai minat terhadap pendidikan kewangan peribadi.

Maka, kajian ini adalah penting untuk dilaksanakan bagi menentukan samada semua pelajar khususnya di PTSS perlu atau tidak untuk didedahkan dengan ilmu pengurusan kewangan peribadi melalui kursus yang ada ditawarkan di PTSS pada masa kini. Ianya juga adalah bagi memastikan semua graduan PTSS yang dilahirkan tidak akan atau kurang menghadapi masalah berkenaan pengurusan kewangan mereka serta tidak akan menyumbang terhadap permasalahan kewangan dan ekonomi negara pada masa hadapan.

Oleh itu, kajian ini diharapkan agar akan dapat membantu membolehkan semua pelajar di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) mempunyai peluang untuk mempelajari ilmu pendidikan kewangan peribadi dan seterusnya dapat membantu mereka untuk menguruskan kewangan peribadi mereka dengan lebih berhemah. Selain itu, adalah diharapkan juga agar kajian ini akan dapat memberikan maklumat kepada pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terhadap keperluan mendedahkan ilmu pengurusan kewangan peribadi kepada semua pelajar yang belajar di politeknik dan kolej komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

SOROTAN LITERATUR

Celik kewangan adalah pemahaman tentang pelbagai bidang kewangan termasuk topik yang berkaitan dengan pengurusan kewangan peribadi dan pelaburan. Celik kewangan juga melibatkan keupayaan untuk mengurus kewangan peribadi secara cekap dan ia termasuklah

pengetahuan tentang membuat keputusan yang sesuai mengenai pelaburan, insurans, pembelian hartanah, persaraan, perancangan belanjawan dan perancangan percukaian. Celik kewangan diperolehi melalui pendidikan kewangan yang diperolehi hasil daripada pembelajaran. Menurut Wagner, terdapat hubungan yang positif di antara pendidikan kewangan dengan tahap celik kewangan seseorang individu dan juga tingkahlaku kewangan yang diamalkan [5]. Pelajar yang terlibat dengan pendidikan kewangan lazimnya akan dianggap memperoleh ilmu kewangan yang penting dan ini dikatakan akan dapat membantu mereka dalam membuat keputusan mengenai kewangan dengan bijak [6].

Pendidikan kewangan melibatkan kecekapan prinsip dan konsep kewangan seperti perancangan kewangan, faedah, kompaun, pengurusan hutang, teknik penjimatan yang menguntungkan dan nilai masa wang. Pendidikan kewangan juga adalah mengenai pemahaman bagaimana wang berfungsi, mencipta dan mencapai cabaran kewangan dalaman dan luaran serta matlamat kewangan. Menurut Murugiah, celik kewangan merupakan gabungan antara pengetahuan tentang kewangan, kemahiran, kebolehan, kesedaran, tingkah laku dan sikap yang diperlukan bagi tujuan membuat keputusan kewangan yang berhemah [7]. Semua ini boleh dicapai melalui pendidikan kewangan yang diperolehi hasil daripada proses pembelajaran.

Kajian ini adalah untuk menentukan keperluan pendidikan kewangan peribadi khususnya dikalangan pelajar bukan dari Jabatan Perdagangan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Pendedahan kepada pendidikan kewangan boleh memberi kesan yang berbeza kepada individu dan pelajar samada mereka boleh atau tidak, mengawal perancangan kewangan mereka dengan baik pada masa hadapan [1].

Berdasarkan maklumat di atas, dapat disimpulkan bahawa pendidikan kewangan akan mempengaruhi tahap celik kewangan di kalangan pelajar. Pelajar –pelajar bukan dari Jabatan Perdagangan di PTSS diambil sebagai subjek kajian memandangkan mereka tidak ditawarkan kursus Pendidikan Kewangan Peribadi (DPA2033 – Personal Financial Management) tidak sepertimana para pelajar di Jabatan Perdagangan PTSS yang disyaratkan untuk mengambil kursus berkenaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat samada menjadi keperluan bagi semua para pelajar di PTSS bagi mempelajari ilmu pengurusan kewangan peribadi atau tidak dan kesannya ke atas kehidupan para pelajar PTSS berkenaan.

Tahap Pengetahuan Terhadap ilmu Pendidikan Kewangan Peribadi

Pengetahuan atau literasi kewangan adalah pemahaman berkenaan wang dan kegunaannya dalam kehidupan harian. Menurut Murugiah, literasi kewangan merupakan gabungan antara pengetahuan tentang kewangan, kemahiran, kebolehan, kesedaran, tingkah laku dan sikap yang diperlukan bagi tujuan membuat keputusan kewangan yang berhemah [7]. Bernheim adalah antara pengkaji yang awal yang membuktikan bahawa pengetahuan kewangan adalah penting dalam pembuatan keputusan oleh isirumah [8,9]. Pada masa ini, pengurusan kewangan bukan hanya terhad kepada pembuatan keputusan kewangan oleh isi rumah malahan ianya juga semakin diperlukan oleh semua lapisan masyarakat termasuklah juga oleh golongan pelajar.

Para pelajar perlulah mempunyai tahap pengetahuan kewangan yang tinggi untuk menjamin kesejahteraan hidup mereka pada masa sekarang dan masa hadapan. Justeru itu, pelajar yang kurang pengetahuan mengenai pendidikan kewangan mungkin akan menghadapi krisis kewangan dan mereka akan lebih berkemungkinan tinggi untuk mengalami tekanan hidup di mana di antara penyebab stress atau tekanan adalah berpunca daripada permasalahan kewangan yang dihadapi oleh mereka [10,11]. Menurut Ong dalam Nuraliani, beban hutang yang amat serius adalah antara penyebab semakin ramai belia menjadi muflis [12]. Salah satu sebab terjadinya muflis di usia muda adalah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dalam pengurusan kewangan peribadi di kalangan belia. Penyataan ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Che Rugayah yang telah mendapati bahawa para pelajar memerlukan bimbingan

dan pendedahan pengurusan kewangan kearah menjana tabiat perbelanjaan yang bijak serta pengurusan kewangan yang mantap di kalangan mereka [13].

Justeru itu, keperluan kepada pengetahuan dan literasi kewangan adalah amat penting dalam kehidupan seharian terutamanya kepada pelajar. Pelajar perlu mendedahkan diri mereka dengan ilmu-ilmu kewangan agar kesejahteraan hidup mereka terjamin dan dapat mengelakkan diri mereka daripada menghadapi tekanan hidup dan seterusnya akan mengganggu fokus mereka kepada pelajaran.

Tahap Kesedaran Terhadap Kepentingan Pendidikan Kewangan Peribadi

Tahap kesedaran secara umumnya bererti kebijaksanaan atau pemahaman baru yang membolehkan kejelasan tentang sesuatu perkara. Pelajar sepatutnya didedahkan dengan pendidikan kewangan agar mereka mempunyai tahap kesedaran yang lebih tinggi dalam menguruskan kewangan. Zuriana dan Rosniyati mendapati bahawa pendedahan berkenaan ilmu pengurusan kewangan peribadi kepada pelajar akan dapat membantu pelajar dalam menguruskan hal kewangan mereka dengan lebih berhemah [14].

Selain itu, terdapat impak atau kesan yang besar ke atas celik kewangan disebabkan oleh pendidikan dan pengalaman. Celik kewangan dapat ditingkatkan dalam kalangan pelajar dengan pendidikan yang betul [15]. Mahasiswa memiliki kebebasan dalam membuat keputusan berkaitan hal kewangan dan selalunya mereka mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencuba perkara baru. Berdasarkan perkara tersebut, mempelajari pendidikan kewangan akan meningkatkan kesedaran mahasiswa daripada melakukan kesilapan terhadap pengurusan kewangan mereka.

Pelajar mestilah mempunyai kesedaran tentang pendidikan kewangan. Berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa, jika pelajar kurang kesedaran berkenaan kepentingan perancangan kewangan, maka keadaan ini akan memberi kesan buruk kepada pelajar yang kurang bijak dalam membuat perancangan kewangan. Kajian oleh Chen dan Volpe merumuskan bahawa pengetahuan pelajar tentang kewangan peribadi adalah rendah dalam kalangan pelajar-pelajar pengajian tinggi [16]. Keadaan tersebut boleh mempengaruhi kehidupan sebagai seorang pelajar kerana ini boleh memberi kesan kepada prestasi akademik mereka.

Di samping itu, kajian yang telah dilakukan oleh Yasmin Huzaimah dan Anuar Ahmad mendapati bahawa tahap literasi mahasiswa atau pelajar berada pada tingkat yang sederhana iaitu menunjukkan mahasiswa paling kurang berpengetahuan berkenaan hutang [17]. Oleh yang demikian, bagi menghindarkan mahasiswa daripada gagal menguruskan kewangan peribadi, mahasiswa sepatutnya mempunyai kesedaran berkenaan kepentingan pendidikan kewangan peribadi dan diberikan pendedahan atau ilmu berkenaan kaedah menguruskan kewangan peribadi yang betul agar mahasiswa tersebut tidak mudah terjebak ataupun tertipu dengan sebarang aktiviti-aktiviti yang merugikan pada masa hadapan kelak.

Tahap Minat Terhadap Kepentingan Pendidikan Kewangan Peribadi

Pendidikan kewangan merupakan aspek yang penting dan perlu dikuasai oleh semua orang termasuklah golongan pelajar. Pengurusan kewangan dalam kalangan pelajar haruslah dititikberatkan agar tidak berlaku penyalahgunaan wang. Minat dalam hal pengurusan kewangan dapat membantu pelajar untuk memahami risiko dan dapat memudahkan mereka dalam membuat keputusan kewangan yang lebih baik. Shahrabani menyatakan bahawa seseorang yang dapat mengawal belanjawan peribadi akan mempunyai hutang yang kurang jika mereka mempunyai sikap yang positif terhadap pengurusan kewangan [18]. Sikap yang positif ini kebiasaannya seiring dengan minat terhadap bidang pendidikan kewangan berkenaan.

Namun begitu, minat terhadap ilmu pengurusan kewangan peribadi di kalangan pelajar masih lagi dianggap rendah. Ini bertepatan dengan hasil kajian oleh Chen dan Volpe iaitu mendapati bahawa para pelajar di universiti ataupun di kolej yang kebanyakannya berumur di antara 18 hingga 22 tahun menunjukkan bahawa mereka mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah [16]. Ini menggambarkan bahawa tahap literasi kewangan pelajar adalah pada tahap yang membimbangkan. Dahlia melalui kajiannya juga mendapati bahawa masih ramai pelajar yang kurang mengetahui kaedah menguruskan kewangan dengan cara yang betul [19]. Ini kerana, para pelajar jika mereka mempunyai wang didapati akan membelanjakan wang mereka secara tidak terkawal disebabkan antaranya kurangnya minat dan kefahaman di dalam diri mereka mengenai literasi kewangan.

Oleh itu, minat juga dianggap sebagai salah satu faktor penting yang menyumbang ke arah mempunyai tahap literasi kewangan yang baik di kalangan pelajar. Menurut Tan, Hoe dan Hung, jika pelajar berminat dengan pendidikan kewangan, secara tidak langsung mereka juga akan mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi dan mereka akan lebih cenderung untuk membuat perancangan kewangan [20]. Sebaliknya pula yang akan berlaku bagi mereka yang kurang berminat dengan pendidikan kewangan, mereka akan mempunyai tahap literasi kewangan sederhana dan rendah. Pelajar yang mempunyai minat terhadap ilmu pendidikan kewangan akan mampu menguruskan hal ehwal kewangan mereka dengan baik dan tidak menanggung hutang yang serius sehingga ke tahap muflis. Jika pelajar dapat menanam minat terhadap pengurusan kewangan, secara tidak langsung pelajar akan lebih cekap dalam menguruskan tentang hal kewangan termasuk hutang pinjaman pengajian. Lusardi menyatakan tahap literasi kewangan yang tinggi mendorong pelajar menguruskan kewangan dengan cekap untuk membuat keputusan yang tepat tentang kewangan [21].

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam bentuk penyelidikan tinjauan. Kajian ini dijalankan menggunakan soal selidik yang telah dibina hasil daripada pengubahsuaian ke atas soal selidik ke atas pengkaji yang terdahulu. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi 4 bahagian iaitu bahagian latar belakang, tahap pengetahuan, tahap kesedaran dan tahap minat.

Responden kajian ini adalah terdiri daripada 100 orang pelajar yang dipilih secara rawak iaitu yang sedang menuntut di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Responden-responden tersebut terdiri samada daripada pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Reka Bentuk Dan Komunikasi Visual (JRKV), Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Pelancongan Dan Hospitaliti (JPH). Pelajar-pelajar daripada Jabatan Perdagangan (JP) PTSS tidak dilibatkan sebagai sampel kerana semua pelajar-pelajar di Jabatan Perdagangan telah didedahkan dengan ilmu pengurusan kewangan peribadi melalui kursus yang telah diwajibkan untuk diambil iaitu kursus DPA2033 Personal Financial Management. Kajian hanya membataskan penglibatan seramai 100 orang pelajar sahaja sebagai kajian permulaan antaranya disebabkan oleh kekangan masa, kewangan dan tenaga yang dihadapi.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar bukan daripada pelajar di Jabatan Perdagangan PTSS iaitu sebelum soal selidik diedarkan kepada responden sebenar. Dapatan daripada kajian rintis ini mendapati bahawa nilai kebolehpercayaan bagi tahap kesedaran ialah yang tertinggi iaitu 0.869 di ikuti dengan nilai kebolehpercayaan terhadap faktor minat iaitu 0.850 dan akhir sekali ialah nilai kebolehpercayaan bagi tahap pengetahuan iaitu 0.718. Ketiga-tiga nilai Alpha Cronbach bagi setiap pembolehubah dan nilai purata bagi ketiga-tiga pembolehubah adalah melebihi nilai 0.6 iaitu berada pada tahap kebolehpercayaan yang tinggi [22]. Ini menunjukkan bahawa soal selidik yang digunakan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai untuk digunakan bagi tujuan kajian ini.

Kaedah statistik deskriptif akan digunakan untuk menganalisa data-data mentah daripada responden yang telah diperolehi melalui borang soal selidik yang telah diedarkan. Dapatan data yang telah diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 23.0. Analisis deskriptif akan digunakan untuk menerangkan kekerapan, peratusan serta pengiraan jumlah min skor untuk mengukur tahap kesedaran, tahap pengetahuan dan tahap minat terhadap pendidikan kewangan peribadi di kalangan pelajar bukan dari Jabatan Perdagangan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah berdasarkan kepada analisis yang menggunakan skor min, peratusan dan kekerapan bagi meninjau keperluan pendidikan kewangan peribadi di kalangan pelajar bukan perdagangan di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS).

Latar Belakang Responden

Bagi kajian ini, pengkaji telah melibatkan 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar dari 5 buah jabatan akademik yang terdapat di PTSS selain dari Jabatan Perdagangan iaitu dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Reka Bentuk Dan Komunikasi Visual (JRKV), Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Pelancongan Dan Hospitaliti (JPH). Jadual 1 di bawah adalah merujuk kepada bilangan responden mengikut jabatan akademik dan semester semasa responden yang terlibat:

Jadual 1 Jabatan dan Semester Responden

Karakteristik	Kekerapan	Peratusan
Jabatan:		
JTMK	19	19.0
JPH	11	11.0
JKM	45	45.0
JRKV	12	12.0
JKE	13	13.0
Jumlah	100	100.0
Semester:		
Satu	32	32.0
Dua	6	6.0
Tiga	15	15.0
Empat	34	34.0
Lima	13	13.0
Jumlah	100	100.0

Berdasarkan kepada jadual 1 diatas, responden dari JTMK adalah seramai 19 orang, responden dari JPH ialah seramai 11 orang, responden dari JKM ialah seramai 45 orang, responden dari JRKV pula ialah seramai 12 orang dan responden dari JKE ialah seramai 13 orang. Manakala bilangan responden mengikut semester pula ialah bagi semester 1 bilangan responden yang terlibat ialah seramai 32 orang, bagi pelajar semester 2 ialah seramai 6 orang, bagi pelajar semester 3 ialah seramai 15 orang, bagi pelajar semester empat ialah seramai 34 orang dan akhir sekali bilangan responden yang terlibat bagi semester 5 ialah seramai 13 orang.

Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Ilmu Kewangan Peribadi

Dapatan daripada kajian adalah seperti jadual berikut:

Jadual 2 Skor min dan sisihan piawai tahap pengetahuan pelajar

BIL	TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR	Skor Min	Sisihan Piawai
1.	Pada waktu ini, saya telah mempunyai asas pengetahuan pendidikan kewangan yang baik.	3.00	0.513
2.	Saya tidak menghadapi masalah menguruskan kewangan saya terutamanya dari aspek perbelanjaan saya sepanjang saya belajar di PTSS.	2.84	0.662
3.	Saya mampu menguruskan wang pinjaman atau wang pemberian dari keluarga saya sehingga hujung setiap semester dengan baik dan wang pinjaman atau wang pemberian dari keluarga saya sentiasa mencukupi untuk saya gunakan sepanjang tempoh pembelajaran saya di PTSS.	2.97	0.627
4.	Dengan pengetahuan kewangan yang saya ada pada waktu sekarang, saya yakin bahawa saya tidak akan mudah tertipu dengan dengan sebarang bentuk penipuan yang sedang berlaku pada waktu sekarang.	3.09	0.552
5.	Dengan pengetahuan kewangan yang saya ada pada waktu sekarang, saya sentiasa yakin untuk membuat keputusan kewangan seperti keputusan membuat pelaburan, simpanan, hutang dan sebagainya dengan baik.	3.05	0.593
Skor Min & Sisihan Piawai Keseluruhan		2.99	0.589

Berdasarkan jadual 2 di atas, skor min keseluruhan bagi tahap pengetahuan pelajar tentang ilmu kewangan peribadi adalah 2.99 iaitu berada pada tahap kecenderungan yang sederhana. Pernyataan yang paling dominan pula iaitu pada skor min 3.09 adalah pernyataan yang menyatakan bahawa pelajar dengan ilmu kewangan yang telah dimilikinya pada masa kini pelajar yakin bahawa pelajar tidak akan mudah tertipu dengan sebarang bentuk penipuan yang sedang berlaku pada waktu sekarang. Jika berpandukan kepada jadual tahap kecenderungan, nilai skor min ini adalah pada tahap sederhana. Sebaliknya, bagi pernyataan bahawa pelajar tidak menghadapi masalah menguruskan kewangan terutamanya dari aspek perbelanjaan sepanjang pelajar berkenaan belajar di PTSS, skor yang telah diperolehi adalah skor yang paling kurang dominan iaitu berada pada tahap skor min 2.84 ataupun berada pada tahap yang sederhana juga. Secara keseluruhannya, berdasarkan min skor keseluruhan iaitu 2.99 iaitu berada pada tahap sederhana, majoriti daripada responden agak bersetuju bahawa mereka telah mempunyai tahap pengetahuan tentang ilmu kewangan peribadi yang agak baik.

Tahap Kesedaran Pelajar Terhadap Keperluan Pendidikan Kewangan Peribadi

Dapatan daripada kajian adalah seperti jadual berikut:

Jadual 3 Skor min dan sisihan piawai tahap kesedaran pelajar

BIL	TAHAP KESEDARAN PELAJAR	Skor Min	Sisihan Piawai
1.	Saya sedar bahawa ilmu pendidikan kewangan boleh membimbing saya untuk menjadi lebih berdisiplin dalam menguruskan hal ehwal kewangan.	3.37	0.597
2.	Pengurusan kewangan yang baik akan membantu saya mengelakkan daripada menghadapi sebarang masalah kewangan sepanjang saya melanjutkan pengajian di PTSS.	3.26	0.525
3.	Ilmu pendidikan kewangan amat penting untuk dipelajari oleh semua pelajar di PTSS.	3.32	0.510
4.	Ilmu pendidikan kewangan akan dapat membantu saya daripada	3.25	0.520

	mudah tertipu dengan sebarang skim kewangan yang meragukan dan seterusnya dapat mengelakkan saya daripada mengalami sebarang kerugian.		
5.	Ilmu pendidikan akan dapat membantu saya mengenalpasti pelaburan mana yang mungkin menguntungkan dan dapat membantu saya membuat keputusan kewangan dengan bijak.	3.21	0.478
Skor Min & Sisihan Piawai Keseluruhan		3.28	0.526

Berdasarkan jadual 3 di atas, skor min keseluruhan bagi tahap kesedaran pelajar terhadap keperluan pendidikan kewangan peribadi adalah 3.28 iaitu berada pada tahap kecenderungan yang sederhana. Pernyataan yang paling dominan pula iaitu pada skor min 3.37 adalah pernyataan yang menyatakan bahawa pelajar sedar bahawa ilmu pendidikan kewangan boleh membimbing pelajar untuk menjadi lebih berdisiplin dalam menguruskan hal ehwal kewangan. Jika berpandukan jadual tahap kecenderungan, nilai skor min ini adalah juga pada tahap sederhana. Sebaliknya, bagi pernyataan mengenai ilmu pendidikan akan dapat membantu pelajar mengenalpasti pelaburan mana yang mungkin menguntungkan dan dapat membantu pelajar membuat keputusan kewangan dengan bijak, item ini adalah item yang paling kurang dominan berbanding item – item yang lain iaitu berada pada tahap skor min 3.21. Item ini walaupun mempunyai skor yang lebih rendah berbanding dengan pernyataan-pernyataan yang lain, item ini juga masih berada pada tahap kecenderungan yang sederhana. Secara keseluruhannya, berdasarkan min skor keseluruhan iaitu 3.28, didapati majoriti daripada responden ataupun pelajar bukan dari Jabatan Perdagangan di PTSS telah sedar dan mengakui serta agak bersetuju terhadap keperluan bagi semua pelajar di PTSS bagi mempelajari ilmu pendidikan kewangan peribadi di PTSS pada masa kini.

Tahap Minat Pelajar Terhadap Pendidikan Kewangan Peribadi

Dapatan daripada kajian adalah seperti jadual berikut:

Jadual 4 Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Minat Pelajar

BIL	TAHAP MINAT PELAJAR/ <i>STUDENT INTEREST</i>	Skor Min	Sisihan Piawai
1.	Saya berminat untuk mempelajari ilmu pendidikan kewangan sekiranya ada ditawarkan di PTSS.	3.01	0.595
2.	Ilmu pendidikan kewangan adalah suatu kursus yang amat menarik dan sangat berfaedah untuk dipelajari.	3.13	0.464
3.	Saya tidak menghadapi masalah untuk meluangkan masa saya bagi mempelajari ilmu pendidikan kewangan sekiranya ada ditawarkan di PTSS.	3.02	0.531
4.	Saya sentiasa tertarik dengan isu-isu kewangan samada yang melibatkan individu, masyarakat dan negara.	3.05	0.479
5.	Saya tidak menghadapi masalah atau merasa rugi bagi mengeluarkan wang saya bagi mendapatkan buku-buku atau majalah-majalah yang mengandungi maklumat berkenaan ilmu pendidikan kewangan.	3.06	0.600
Skor Min & Sisihan Piawai Keseluruhan		3.05	0.534

Berdasarkan jadual 4 di atas, skor min keseluruhan bagi tahap minat pelajar terhadap pendidikan kewangan peribadi adalah 3.05 iaitu berada pada tahap kecenderungan yang sederhana. Pernyataan yang paling dominan iaitu pada skor min 3.13 adalah pernyataan yang menyatakan bahawa Ilmu pendidikan kewangan adalah suatu kursus yang amat menarik dan sangat berfaedah untuk dipelajari oleh para pelajar. Jika berpandukan kepada jadual tahap kecenderungan, nilai skor min ini adalah pada tahap sederhana. Sebaliknya, bagi pernyataan mengenai pelajar berminat untuk mempelajari ilmu pendidikan kewangan sekiranya ada ditawarkan di PTSS, item ini adalah item yang paling kurang dominan berbanding item – item

yang lain iaitu berada pada tahap skor min 3.01. Item ini walaupun mempunyai skor yang lebih rendah berbanding dengan pernyataan-pernyataan yang lain, item ini juga masih berada pada tahap kecenderungan yang sederhana iaitu para pelajar agak bersetuju bahawa para pelajar memang agak berminat untuk mempelajari ilmu pendidikan kewangan sekiranya ada ditawarkan di PTSS. Secara keseluruhannya, berdasarkan min skor keseluruhan iaitu 3.05, majoriti daripada responden ataupun pelajar bukan dari Jabatan Perdagangan di PTSS telah agak bersetuju bahawa para pelajar memang agak berminat untuk mempelajari ilmu pendidikan kewangan sekiranya ada ditawarkan di PTSS.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa nilai skor min keseluruhan bagi faktor pengetahuan pelajar tentang ilmu kewangan peribadi ialah 2.99 manakala nilai min keseluruhan bagi faktor minat pelajar terhadap pendidikan kewangan peribadi ialah 3.05. Jika dibandingkan dengan nilai skor min keseluruhan bagi faktor kesedaran pelajar terhadap keperluan pendidikan kewangan peribadi, didapati bahawa nilai skor min keseluruhan kedua-dua faktor tersebut adalah lebih rendah daripada nilai skor min keseluruhan bagi faktor kesedaran pelajar terhadap keperluan pendidikan kewangan peribadi iaitu 3.28. Jika berpandukan kepada jadual tahap kecenderungan, pengkaji bolehlah merumuskan bahawa responden berada dalam kedudukan tahap sederhana atau agak menyokong bagi semua faktor kajian ini iaitu bagi faktor pengetahuan pelajar tentang ilmu kewangan peribadi, faktor minat pelajar terhadap pendidikan kewangan peribadi dan faktor kesedaran pelajar terhadap keperluan pendidikan kewangan peribadi. Dapatan ini juga secara langsung menunjukkan bahawa faktor kesedaran pelajar terhadap keperluan pendidikan kewangan peribadi adalah faktor yang paling signifikan yang menyumbang kearah keperluan pendidikan kewangan peribadi di kalangan pelajar bukan perdagangan di PTSS berbanding dengan faktor pengetahuan pelajar tentang ilmu kewangan peribadi dan faktor minat pelajar terhadap pendidikan kewangan peribadi.

Dapatan daripada kajian ini juga telah mewajarkan agar kursus pendidikan kewangan peribadi dicadangkan agar diperluas untuk diajar kepada semua pelajar yang terdapat di PTSS dan bukannya hanya terhad ditawarkan kepada pelajar-pelajar di Jabatan Perdagangan PTSS sahaja. Dapatan kajian ini juga menunjukkan secara jelas bahawa majoriti pelajar-pelajar di PTSS selain daripada pelajar dari Jabatan Perdagangan PTSS mempunyai minat dan kesedaran untuk mempelajari kursus pendidikan kewangan peribadi. Oleh itu, keperluan kepada pendidikan kewangan peribadi kepada semua pelajar di PTSS adalah perlu dan wajar agar semua pelajar di PTSS bakal mempunyai ilmu kewangan peribadi yang mantap dan sekaligus akan dapat membantu mereka membuat keputusan kewangan yang penting dengan betul seperti keputusan untuk membuat pinjaman, pelaburan dan sebagainya sekaligus bakal membantu membangunkan lagi ekonomi negara pada masa hadapan.

Bagi pelajar khususnya pelajar bukan daripada Jabatan Perdagangan PTSS, adalah dicadangkan agar mereka mencadangkan kepada pihak PTSS melalui jabatan akademik masing-masing agar pihak PTSS mengadakan kursus atau bengkel berkenaan ilmu pendidikan kewangan peribadi kepada semua pelajar khususnya kepada pelajar-pelajar semester akhir di PTSS. Ini penting agar pelajar-pelajar di PTSS berkenaan akan mempunyai ilmu kewangan yang mantap seperti ilmu berkenaan pinjaman, pelaburan, perakaunan, insuran dan ilmu-ilmu kewangan yang lain agar para pelajar berkenaan akan dapat membuat keputusan kewangan yang betul serta mengelakkan pelajar-pelajar berkenaan daripada menghadapi masalah kewangan yang serius pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Berita Harian Online (2016, 06 Disember), *Kadar muflis golongan muda di Malaysia merisaukan*. Akses daripada <https://www.bharian.com.my/node/220849>
- Free Malaysia Today Online (2018, 15 Ogos), *Tugas besar Wan Saiful selepas penemuan mengejut di PTPTN*. Akses daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/08/15/tugas-besar-wan-saiful-selepas-penemuan-mengejut-di-ptptn/>
- Mohamad Fazli Sabri (2011). *Pathways to Financial Success: Determinants of Financial Literacy and Financial Well-Being Among Young Adults*.
- Rubayah Yakob, Hawati Janor & Nur Ain Khamis (2015). *Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia*
- Wagner, J. F. (2015). *An Analysis of the Effects of Financial Education on Financial Literacy and Financial Behaviors*. Tesis Doktor Falsafah. University of Nebraska.
- Asarta, Carlos J., Andrew T. Hill, and Bonnie T. Meszaros (2014). The features and effectiveness of the keys to financial success curriculum. *International Review of Economics Education* **16**. 39-50.
- Murugiah, L. (2016). The Level of Understanding and Strategies to Enhance Financial Literacy among Malaysian. *International Journal of Economics and Financial Issues*, **6(S3)**, (130-139).
- Bernheim, D. (1995). *Do households appreciate their financial vulnerabilities? An analysis of actions, perceptions, and public policy*. In: *Tax Policy and Economic Growth*. Washington D.C: American Council for Capital Formation. 1-30.
- Bernheim, D. (1998). *Financial illiteracy, education and retirement saving*. In: Mitchell, o., Schieber, S. (Eds.), *Living with Defined Contribution Pensions*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press. 38-68.
- Abouserie, R. (1994). Sources and levels of stress in relation to locus of control and self-esteem in university students. *Educational Psychology*, **14(3)**, 323-331.
- Ferlis B. Buller @ Bahari, Balan Rathakrishnan & Rosnah Ismail (2009). Sumber stress, strategi daya tindak dan stress yang di alami pelajar universiti. *Jurnal Kemanusiaan*, **13**, 46-62.
- Nuraliani Jamlus Rafdi, Noor Aimi Mohammad Puad, Wan Shahdila Shah Sahar, Fadilah Mat Nor & Wan Shazlina Shah Sahar (2015). *Faktor-faktor Muflis di Kalangan Belia*. Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah. 16-17 November 2015.
- Che Rogayah Che Ismail (2001), *Pengurusan Kewangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal Kepada Keperluan Kaunseling Kewangan*. Master Thesis, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Zuriana binti Mohamed dan Rosniyati binti AbdRazak. (2012). *"Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Impak Kursus Pengurusan Kewangan Peribadi Jabatan Perdagangan. Politeknik Port Dickson*.
- Chen, H. & R. P. Volpe (2002). Gender Differences in Personal Financial Literacy among College Students. *Financial Services Review*, **11**, 289-307.
- Chen, H., & Volpe, R. P. (1998). An analysis of Personal Financial Literacy Among College Students. *Financial Services Review*, **7(1)**, 107-128.
- Yasmin Huzaimah & Anuar Ahmad (2017), *Tahap Literasi Kewangan Di Kalangan Mahasiswa*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahrabani, S. (2012). The Effect of Financial Literacy and Emotions on Intent to Control Personal Budget: A Study among Israeli College Students. *International Journal of Economics and Finance*, **4(9)**, 156-163.
- Dahlia Ibrahim, Rabitah Harun, Zuraidah Mohamed Isa (2009) A Study on Financial Literacy of Malaysian Degree Students. *Canadian Academy of Oriental and Occidental Culture*, **5(4)**, 51-59.
- Tan, H.B., Hoe, S.Y. & Hung, W.T. (2011). Financial literacy and personal financial planning in Klang Valley, Malaysia. *Int. Journal of Economics and Management* **5(1)**: 149-168.
- Lusardi, A (2009). The Importance of Financial Literacy. NBER Reporter: Research Summary **no 2**.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.